



**IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Institut Penilaian Negara (INSPEN) dengan ini mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk berkhidmat di INSPEN, bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

<b>JAWATAN/GRED</b>	<b>: PEMBANTU TADBIR / GRED 19 (PEMBANTU PEMASARAN / PEMBANTU PENYELARAS MEDIA)</b>
<b>GAJI DITAWARKAN</b>	<b>: RM1,700.00</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>
<b>TEMPOH KONTRAK</b>	<b>: SEHINGGA 31 DISEMBER 2024</b>
<b>KEMUDAHAN</b>	<b>: CARUMAN KWSP &amp; PERKESO, CUTI REHAT SERTA CUTI SAKIT, DAN TUNTUTAN ELAUN MENJALANKAN TUGAS RASMI</b>

**SYARAT KELAYAKAN**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan/atau kelayakan yang setaraf dengannya;
- (d) Sihat fizikal tubuh badan, tidak mempunyai sebarang penyakit dan tidak buta warna;
- (e) Mampu bekerja dalam situasi yang mendesak dan boleh menyiapkan tugas mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan;
- (f) Mempunyai bakat, kebolehan, daya kreativiti, kemahiran dan pengalaman dalam bidang pemasaran/promosi;
- (g) Berkebolehan dan mahir mengendalikan media sosial seperti Facebook, Instagram, Youtube, Tiktok dan Twitter; dan
- (h) Mampu bekerja di bawah pengawasan yang minimum.

## DESKRIPSI TUGAS

- (a) Membantu merangka pelan pemasaran produk dengan mengenal pasti pasaran dan trend sasaran semasa;
- (b) Membantu mengurus dan mengatur sidang akhbar/media untuk mempromosikan dan hebahan aktiviti Jabatan;
- (c) Membantu perhubungan dan kawalan media semasa aktiviti program Jabatan;
- (d) Membantu menyediakan draf siaran media, nota kepada pengarang dan perkara berkaitan serta membantu mengedarkannya untuk makluman media massa;
- (e) Membantu merancang, melaksanakan dan memantau pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti rasmi berhubung publisiti, promosi dan kempen (produk dan perkhidmatan INSPEN);
- (f) Membantu merancang dalam melaksanakan aktiviti korporat/kempen bagi tahun semasa;
- (g) Membantu menyelaras pameran/jelajah di dalam negara;
- (h) Mempunyai pengetahuan dan membantu menguruskan perkara teknikal berkaitan pengiklanan dan *copywriting* di pelbagai medium; dan
- (i) Membantu mengendalikan pengurusan majlis Jabatan.

## CARA MEMOHON

- (a) Calon-calon yang berminat hendaklah menghantar *resume* beserta gambar terkini berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan salinan sijil akademik yang berkaitan kepada e-mel [noraini@inspen.gov.my](mailto:noraini@inspen.gov.my).
- (b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- (c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- (d) Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini, sila hubungi Puan Noraini binti Samsuri: 03-8911 8800 sambungan 1044.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 17 April 2024**